



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH
Dokumen Penjajaran Kurikulum

GEOGRAFI
TINGKATAN 1

EDISI 2

KATA PENGANTAR



Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan penjajaran kurikulum selaras dengan pengumuman pembukaan semula sekolah berdasarkan Takwim Persekolahan 2020 yang dipinda. Pada ketika itu, Kandungan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah diujarkan bagi tujuan kegunaan pengajaran dan pembelajaran bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid yang terkesan lanjutan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Susulan penutupan semula sekolah sepenuhnya mulai 9 November 2020, sekolah telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) sehingga hari terakhir persekolahan bagi tahun 2020. Meskipun guru telah berusaha untuk melaksanakan PdPR, namun masih terdapat cabaran dari aspek pelaksanaannya yang akan memberi implikasi terhadap pembelajaran murid pada tahun 2021. Sehubungan dengan itu, KPM telah memutuskan untuk meneruskan pelaksanaan Penjajaran Kurikulum Versi 2.0 bagi tahun 2021.

Penjajaran Kurikulum Versi 2.0 merupakan usaha KPM bagi membantu guru untuk memastikan kelangsungan pembelajaran murid dilaksanakan. Kurikulum yang diujarkan ini bukanlah

kurikulum baharu, tetapi kurikulum sedia ada yang disusun semula berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSM serta ditambah baik daripada dokumen penjajaran kurikulum sebelumnya. Kandungan kurikulum disusun berdasarkan kandungan asas yang perlu dikuasai oleh murid. Manakala, kandungan tambahan dan pelengkap perlu diajar bagi menyokong keseluruhan pembelajaran sesuatu mata pelajaran yang boleh dilaksanakan melalui pelbagai kaedah dan teknik pembelajaran.

Harapan KPM agar guru dapat terus merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran pada tahun 2021 dengan lebih berkesan. KPM juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam melaksanakan kurikulum yang diujarkan.

Dr. LATIP BIN MUHAMMAD

Timbalan Pengarah Kanan
(Kluster Dasar dan Sains & Teknologi)
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

Tajuk		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
1.0	KEMAHIRAN GEOGRAFI	1.1	Arah				
		1.1.1	Mengenal pasti lapan arah mata angin.				
		1.1.2	Menggunakan matahari sebagai panduan untuk menentukan arah mata angin.				
		1.1.3	Menggunakan kompas untuk menentukan arah mata angin.				
		1.1.4	Mengukur bearing sudutan pada peta dengan menggunakan jangka sudut.				
1.0	KEMAHIRAN GEOGRAFI	1.2	Kedudukan				
		1.2.1	Membincangkan kedudukan relatif sesuatu tempat berdasarkan peta.				
		1.2.2	Mengaplikasikan latitud dan longitud untuk mengenal pasti kedudukan sesuatu tempat.				

Tajuk		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
1.0	KEMAHIRAN GEOGRAFI	1.3	Peta Lakar				
		1.3.1	Menggunakan peta lakar yang tepat dengan ciri-ciri peta.				
		1.3.2	Menggunakan simbol yang tepat dalam peta lakar.				
		1.3.3	Membezakan pandang darat fizikal dan pandang darat budaya berdasarkan simbol dalam peta lakar.				
		1.3.4	Menghasilkan peta lakar yang lengkap berdasarkan pandang darat setempat.				
1.0	KEMAHIRAN GEOGRAFI	1.4	Lakaran Peta Malaysia				
		1.4.1	Menentukan kedudukan negeri-negeri dan Wilayah Persekutuan di Malaysia berdasarkan peta.				
		1.4.2	Menentukan kedudukan ibu negeri, ibu negara Malaysia dan pusat pentadbiran kerajaan persekutuan di Malaysia berdasarkan peta.				
		1.4.3	Melakar peta Malaysia yang lengkap dengan berpandukan peta sebenar.				

Tajuk		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
2.0	GEOGRAFI FIZIKAL: BENTUK MUKA DAN SALIRAN	2.1	Bumi	2.1	Bumi		
		2.1.1	Menjelaskan empat sistem fizikal bumi.	2.1.3	Mengenal pasti benua, lautan, laut utama dan selat.		
		2.1.2	Menjelaskan struktur bumi.				
		2.1.4	Membincangkan kesan pergerakan kerak bumi.				
2.0	GEOGRAFI FIZIKAL: BENTUK MUKA DAN SALIRAN	2.2	Bentuk Muka Bumi di Malaysia	2.2	Bentuk Muka Bumi di Malaysia		
		2.2.1	Membincangkan pelbagai bentuk muka bumi di Malaysia.	2.2.3	Membandingkan kepentingan pelbagai bentuk muka bumi di Malaysia.		
		2.2.2	Menentukan lokasi pelbagai bentuk muka bumi di Malaysia.				
4.0	GEOGRAFI KAWASAN: ASIA TENGGARA	4.1	Asia Tenggara	4.1	Asia Tenggara		
		4.1.1	Melengkapkan peta Asia Tenggara dengan nama negara.	4.1.2	Menjelaskan dengan contoh bentuk muka bumi di Asia Tenggara.		

Tajuk		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
2.0	GEOGRAFI FIZIKAL: BENTUK MUKA DAN SALIRAN	2.3	Saliran di Malaysia	2.3	Saliran di Malaysia		
		2.3.1	Membincangkan pandang darat fizikal di setiap peringkat aliran sungai.	2.3.3	Membandingkan kepentingan sungai dan tasik utama di Malaysia.		
		2.3.2	Mengenal pasti nama sungai dan tasik utama di atas peta Malaysia.				
4.0	GEOGRAFI KAWASAN: ASIA TENGGARA			4.1	Asia Tenggara		
				4.1.3	Menjelaskan dengan contoh sungai dan tasik utama di Asia Tenggara.		
3.0	GEOGRAFI MANUSIA: PENDUDUK DAN PETEMPATAN	3.1	Penduduk di Malaysia	3.1	Penduduk di Malaysia		
		3.1.1	Menjelaskan dengan contoh taburan penduduk di Malaysia.	3.1.2	Membincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi taburan penduduk di Malaysia.		
4.0	GEOGRAFI KAWASAN: ASIA TENGGARA	4.2	Asia Tenggara				
		4.2.1	Membincangkan taburan penduduk di Asia Tenggara.				

Tajuk		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
3.0	GEOGRAFI MANUSIA: PENDUDUK DAN PETEMPATAN	3.2	Petempatan di Malaysia	3.2	Petempatan di Malaysia		
		3.2.2	Menjelaskan dengan contoh empat pola petempatan di Malaysia.	3.2.1	Membincangkan jenis petempatan yang terdapat di Malaysia.		
4.0	GEOGRAFI KAWASAN: ASIA TENGGARA	3.2.3	Membezakan fungsi petempatan bandar dan luar bandar di Malaysia.				
		4.2	Asia Tenggara				
		4.2.2	Menilai fungsi petempatan bandar utama di Asia Tenggara.				
5.0	ISU DAN PENGURUSAN ALAM SEKITAR	5.1	Sumber Air	5.1	Sumber Air		
		5.1.2	Menjelaskan dengan contoh punca krisis air di Malaysia.	5.1.1	Mengenal pasti jenis sumber air.		
		5.1.3	Membincangkan kesan krisis air di Malaysia.	5.1.4	Menerangkan langkah-langkah mengurangkan kesan krisis air.		
5.0	ISU DAN PENGURUSAN ALAM SEKITAR	5.2	Sisa Domestik	5.2	Sisa Domestik		
		5.2.2	Menjelaskan dengan contoh sisa domestik di Malaysia.	5.2.1	Mengenal pasti jenis sisa domestik.		
		5.2.3	Membincangkan kesan pembuangan sisa domestik di Malaysia.	5.2.4	Menerangkan langkah-langkah mengurangkan kesan pembuangan sisa domestik.		

Tajuk	Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
KERJA LAPANGAN GEOGRAFI	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mana-mana Tajuk/SK/SP di atas boleh dipilih untuk dijadikan tajuk Kerja Lapangan Geografi. 2. Cadangan peruntukan waktu melaksanakan Kerja Lapangan Geografi selama 5 jam daripada waktu yang diperuntukkan bagi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) mata pelajaran Geografi. 3. Sekiranya berlaku Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pelaksanaan Kerja Lapangan Geografi boleh dilaksanakan secara tidak bersemuka. Murid boleh mengumpul data melalui <i>Google Form</i>, <i>Whatsapp</i>, <i>Telegram</i>, e-mel, panggilan telefon, <i>Google Meet</i>, <i>Zoom Meeting</i> dan sebagainya. 		
<p>Cadangan Untuk Pelaksanaan Penjajaran Kurikulum Kssm Geografi:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Guru digalakkan untuk mempelbagaikan kaedah pelaksanaan PdP (Pembelajaran Teradun: Pendekatan Modular, Pembelajaran Bersepadu, Pembelajaran Berasaskan Kerja Projek, Pembelajaran Berasaskan Inkuiri dan lain-lain). 2. Bahagian Kemahiran Geografi perlu dilaksanakan dengan bimbingan guru secara bersemuka bagi membolehkan pengetahuan, kemahiran dan nilai asas dikuasai oleh murid. 3. Cadangan Pembelajaran Teradun melalui Pendekatan Modular dilaksanakan seperti SK 2.2 dan SK 4.1 bagi tajuk Bentuk Muka Bumi di Malaysia dan Asia Tenggara iaitu SP 2.2.1, SP 2.2.2 dan SP 4.1.1 (Kandungan Asas) boleh diajarkan sekali. Selain itu, SP 2.2.3 dan SP 4.1.2 (Kandungan Tambahan) boleh diajarkan bersama-sama dengan Kandungan Asas atau dipilih untuk membuat Kerja Lapangan Geografi. 4. Guru boleh menambah baik pelaksanaan kurikulum KSSM Geografi Tingkatan 1 yang dicadangkan di atas mengikut aras kebolehan dan tahap keupayaan murid berdasarkan keadaan/situasi/isu yang dihadapi di peringkat sekolah. 			

Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E
62604 Putrajaya
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917